

02 JAN 2003

MAHATHIR-FORUM/I

MAHATHIR AKAN HADIRI FORUM PERNIAGAAN 9 JAN

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka berucap pada satu forum perniagaan eksekutif sehari bertajuk Bersaing Dalam Dunia Global: Menjadi Pemain Kelas dunia", yang akan diadakan di sini pada 9 Januari.

Beliau akan mengetuai perbincangan mengenai globalisasi dan implikasinya bagi syarikat-syarikat Malaysia yang bercadang menjadi pemain-pemain global pada forum yang akan dianjurkan oleh London Business School itu.

Satu kenyataan hari ini daripada Kelab Almuni London Business School Selangor dan Wilayah Persekutuan berkata forum itu akan menyaksikan para pemimpin kerajaan dan sektor korporat, di samping individu-individu terkenal, membincangkan isu-isu dan cabaran-cabaran yang berkaitan dengan pengantarabangsaan perniagaan hari ini.

Mengepalai pasukan daripada London Business School ialah dekannya, Laura D'Andrea Tyson, yang juga Penasihat Ekonomi Kebangsaan AS semasa pentadbiran Bill Clinton.

Forum itu akan menumpukan kepada tiga cabaran yang mendepani Malaysia iaitu pengagihan lebih luas faedah-faedah globalisasi, bagaimana syarikat-syarikat Malaysia boleh menjana nilai global untuk mencapai kelebihan persaingan dan bagaimana para pengurus boleh menangani dengan berkesan pertukaran budaya yang diwujudkan oleh globalisasi.

Antara peserta-peserta lain pada forum itu ialah ketua pegawai eksekutif Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, yang juga anggota Lembaga Penasihat Serantau di Asia bagi London Business School dan Gobenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Forum di Kuala Lumpur itu akan memulakan satu siri forum-forum global bagi 2003 oleh London Business School di bandaraya-bandaraya utama di seluruh dunia. -- BERNAMA

ERE SD OS